



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
MALAYSIA

---

## DASAR PENERBANGAN REPATRIASI

---

### 1. TUJUAN

- 1.1 Dasar ini bertujuan untuk memberikan panduan mengenai prinsip, peraturan dan kaedah permohonan bagi operasi penerbangan repatriasi dalam sektor pengangkutan udara Malaysia.

### 2. LATAR BELAKANG

- 2.1 *The International Civil Aviation Organization (ICAO)* melalui surat dengan nombor rujukan EC 6/3-20/55 bertarikh 15 April 2020 telah mengeluarkan nasihat kepada Negara-negara Anggota mengenai pemberian kelulusan segera bagi penerbangan repatriasi dalam tempoh pandemik COVID-19.
- 2.2 Akibat daripada keadaan luar biasa yang disebabkan oleh COVID-19, Negara-negara Anggota disarankan untuk mengkaji prosedur kebenaran penerbangan repatriasi dengan tujuan untuk memberikan kelulusan segera bagi penerbangan tersebut, selaras dengan peruntukan berkaitan dengan penerbangan tidak berjadual antarabangsa yang terkandung dalam Seksyen F Bab 2 bagi *Annex 9 – Facilitation to the Chicago Convention*.

### 3. DEFINISI

- 3.1 **Penerbangan repatriasi** merujuk kepada penerbangan khas yang diatur oleh mana-mana negara sama ada menggunakan pesawat negara, penerbangan kemanusiaan atau penerbangan sewa khas (catar) komersial sewaan dengan tujuan untuk menghantar pulang warganegara mereka dan orang lain yang layak dari negara lain, tanpa pengambilan atau penurunan penumpang lain untuk tujuan ganjaran atau sewa.
- 3.2 Penerbangan repatriasi juga boleh dilaksanakan secara komersial tertakluk kepada syarat-syarat yang dikenakan oleh negara penerima.

#### 4. KELAYAKAN

- 4.1 Hanya syarikat pengangkutan udara yang berdaftar dan telah memperoleh Sijil Perakuan Pengendali Udara (*Air Operator Certificate – AOC*) yang sah yang dikeluarkan oleh Malaysia atau negara asing yang berkenaan, atau AOC yang sah yang telah dikeluarkan oleh negara asing lain dan diiktiraf oleh Malaysia atau negara asing yang berkenaan, layak memohon untuk menyediakan penerbangan repatriasi.

#### 5. SYARAT-SYARAT

- 5.1 Penerbangan repatriasi terdiri daripada sejumlah penerbangan yang disediakan untuk tempoh tidak melebihi tiga (3) bulan dalam setahun, dan tidak menggunakan hak trafik udara yang telah dipersetujui terdahulu antara Malaysia dan negara asing yang berkenaan.
- 5.2 Walau bagaimanapun, dalam keadaan tertentu di mana negara-negara asing tidak dapat memenuhi syarat seperti yang digariskan dalam perenggan 5.1, iaitu disebabkan oleh sejumlah besar warganegara negara asing tertentu yang ingin kembali ke negara asal, Kerajaan Malaysia boleh mempertimbangkan atas dasar kes demi kes untuk membenarkan penerbangan repatriasi melebihi tempoh masa yang ditetapkan.
- 5.3 Penerbangan repatriasi dibenarkan untuk lebih daripada satu destinasi di Malaysia, tanpa hak kabotaj untuk sektor domestik. Contohnya, Singapura – Kuala Lumpur – Pulau Pinang – Singapura.
- 5.4 Tiada pengambilan penumpang tambahan ke/dari Malaysia (sama ada warganegara Malaysia atau bukan warganegara Malaysia) **kecuali** jika telah terdapat persetujuan antara Kerajaan Malaysia dan negara asing yang berkenaan. Ini bermakna, syarikat pengangkutan udara yang dilantik hanya dibenarkan untuk membawa penumpang yang telah diisytiharkan di dalam senarai penumpang sahaja.
- 5.5 Syarikat pengangkutan udara yang dilantik tidak boleh memberi persaingan kepada syarikat penerbangan berjadual yang sedia ada dengan menawarkan perkhidmatan penerbangan yang menyerupai ciri-ciri perkhidmatan penerbangan berjadual seperti berikut:
  - (a) mempunyai jadual perjalanan yang tetap dan berkala; dan
  - (b) menjual tiket penerbangan kepada masyarakat umum, seperti melalui laman web syarikat pengangkutan udara tersebut atau melalui ejen tiket atau ejen penjualan yang tidak dilantik oleh negara asing yang berkenaan untuk menyediakan perkhidmatan penerbangan repatriasi.

- 5.6 Syarikat pengangkutan udara yang dilantik perlu menggunakan perkhidmatan pengendali darat yang telah diluluskan oleh Kerajaan Malaysia bagi operasi di semua lapangan terbang di Malaysia dan yang telah diluluskan oleh negara asing yang berkenaan bagi operasi di semua lapangan terbang di negara tersebut.

## **6. PENALTI**

- 6.1 Sekiranya mana-mana syarikat pengangkutan udara yang dilantik dalam menyediakan penerbangan repatriasi gagal mematuhi mana-mana syarat yang dinyatakan dalam perenggan 5 di atas, tindakan berikut akan diambil:
- (a) pembatalan mana-mana kelulusan penerbangan repatriasi yang telah diberikan; dan/atau
  - (b) syarikat pengangkutan udara tersebut akan disenaraihitamkan.

## **7. CARA MEMOHON**

### **7.1 Kementerian Luar Negeri**

- 7.1.1 Negara asing yang ingin mengatur penerbangan repatriasi ke/dari Malaysia perlu mengemukakan permohonan kepada Kementerian Luar Negeri (KLN) untuk mendapatkan kelulusan diplomatik. Dalam hal ini, negara asing tersebut boleh mengemukakan permohonan kepada KLN dengan disertakan maklumat berikut:
- (a) tujuan repatriasi;
  - (b) maklumat mengenai warganegara negara asing tersebut dan orang lain yang layak yang ingin direpatriasi (nama, nombor pasport, tarikh kemasukan ke Malaysia, dan lain-lain); dan
  - (c) maklumat penerbangan (syarikat/ejen pengangkutan udara, *flight designator*, tarikh dan masa pelepasan serta ketibaan, dan lain-lain).
- 7.1.2 KLN akan memaklumkan Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (*Civil Aviation Authority of Malaysia – CAAM*) dan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (*Malaysian Aviation Commission – MAVCOM*) mengenai permohonan tersebut. Dalam mempertimbangkan permohonan daripada negara asing, KLN boleh memohon atas dasar timbal balik bagi warganegara Malaysia dan orang lain yang layak untuk direpatriasi dari negara asing tersebut dengan menggunakan penerbangan yang sama jika terdapat keperluan untuk berbuat demikian.

7.1.3 Setelah mendapat kelulusan daripada KLN, syarikat/ejen pengangkutan udara yang telah dilantik oleh negara asing tersebut seterusnya memerlukan kelulusan CAAM dan MAVCOM untuk operasi penerbangan repatriasi berdasarkan maklumat penerbangan sepertimana yang dikemukakan kepada KLN.

## 7.2 AeroFile

7.2.1 Setiap pemohon yang diluluskan perlu memohon melalui sistem AeroFile (<https://www.mavcom.my/en/industry/aerofile-registration/>) sekurang-kurangnya dua (2) hari bekerja sebelum tarikh cadangan penerbangan dengan menyertakan dokumen-dokumen sokongan seperti berikut:

- (a) salinan Nota Diplomatik daripada KLN, yang akan dianggap sebagai menerima kelulusan diplomatik;
- (b) salinan AOC yang dikeluarkan oleh, atau yang diiktiraf oleh Malaysia atau negara asing yang berkenaan;
- (c) Surat Aku Janji (*Letter of Commitment*) yang menyatakan bahawa syarikat penerbangan tidak akan mengambil atau menurunkan penumpang selain daripada penumpang yang diisytiharkan di dalam manifes penumpang **kecuali** jika terdapat persetujuan antara Kerajaan Malaysia dan negara asing yang berkenaan untuk berbuat demikian;
- (d) manifes penumpang yang lengkap (penerbangan masuk atau keluar atau kedua-duanya, yang mana berkenaan);
- (e) salinan insurans pesawat;
- (f) salinan kelulusan slot mendarat dan berlepas daripada *National Slots Coordination Malaysia (NSCM)* bagi penerbangan tersebut ke/dari Malaysia; dan
- (g) salinan perjanjian sewaan pesawat (jika berkenaan).

7.2.2 Selain itu, syarikat penerbangan yang dilantik hendaklah memastikan bahawa pihak syarikat penerbangan tidak mempunyai tunggakan Caj Kemudahan Pengebilan Udara (*Air Navigation Facility Charges – ANFC*) daripada CAAM, *Passenger Service Charges (PSC)* daripada pihak operator lapangan terbang dan *Regulatory Services Charges (RSC)* daripada pihak MAVCOM. Sekiranya terdapat tunggakan, pemohon perlu menyelesaikan semua tunggakan tersebut sebelum permohonan boleh diproses.

7.2.3 Permohonan akan diproses selepas syarikat penerbangan yang dilantik memenuhi semua syarat-syarat yang ditetapkan di perenggan 5 dan 7.

## **8. PEMBERITAHUAN KEPUTUSAN**

8.1 Setelah menerima permohonan lengkap, CAAM dan MAVCOM akan memaklumkan pemohon mengenai keputusan mereka melalui sistem AeroFile selewat-lewatnya dua (2) hari sebelum tarikh penerbangan yang dicadangkan.

## **9. PEMAKAIAN**

9.1 Dasar ini terpakai untuk semua operasi penerbangan repatriasi yang diaturkan oleh Negara Anggota ICAO yang disediakan oleh pengendali udara Malaysia dan asing.

## **10. TARIKH KUAT KUASA**

10.1 Dasar ini berkuat kuasa mulai 1 September 2021.